

**Muhyiddin Ingatkan Bekas Tentera, Polis Supaya Kekalkan Semangat Juang Bernama
29 Januari, 2012**

MUAR, 29 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengingatkan bekas anggota tentera dan polis supaya mengekalkan semangat juang demi menghadapi cabaran akan datang.

Beliau berkata kerajaan sentiasa mengharapkan bekas anggota tentera dan polis supaya bergandingan dengan kerajaan dalam mengekalkan kedaulatan negara.

Ini kerana semakin terdapat banyak suara yang mempersoalkan perlembagaan negara, hak keistimewaan orang Melayu dan institusi diraja, katanya semasa berucap pada majlis perhimpunan bekas tentera dan polis serta keluarga daerah Muar, di sini, hari ini.

"Pilihan raya mungkin tidak lama lagi dan kita tidak mahu negara kita dibentuk oleh kelompok gila kuasa yang mempertikai banyak perkara di dalam perlembagaan. Itu adalah hak kita, jadi peranan bekas anggota tentera dan polis amat penting supaya kuasa politik dapat dipertahankan," katanya.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad dan Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM), Datuk Muhammad Abdul Ghani.

Katanya walaupun tidak lagi aktif di dalam pasukan keselamatan namun jiwa kental yang ada pada bekas anggota tentera dan polis penting kepada masyarakat dan negara dalam mencapai negara maju pada tahun 2020.

Muhyiddin yang juga anggota Parlimen Pagoh berkata kerajaan dalam masa yang sama tidak akan meminggirkan bekas anggota tentera dan polis kerana mereka juga berhak mendapat bahagian yang sama seperti kelompok masyarakat lain menerusi Model Baru Ekonomi.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, kerajaan memberikan pelbagai bantuan kepada bekas tentera dan polis serta keluarga mereka termasuk menyediakan program usahawan dan bantuan pendidikan kepada anak-anak.

"Biarpun sudah dipanggil bekas, saudara semua tetap anggota penting dalam masyarakat. Hari ini negara kita di ambang kemajuan sejak 54 tahun merdeka dengan dikenali di peringkat antarabangsa.

"Ini adalah sumbangan saudara semua kerana Malaysia tidak akan berdiri teguh bersama negara lain di dunia kalau tiada rakyatnya yang sanggup berkorban. Kita sudah mencipta banyak kejayaan luar biasa termasuk menangani kemiskinan," katanya.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut mengumumkan bantuan RM100,000 kepada persatuan bekas anggota tentera dan RM30,000 untuk persatuan bekas polis daerah Muar.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642752>